



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 JANUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 26 Januari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,076 kes** (149,160 kes kumulatif, 78.3%);
- Kes baharu : **3,585 kes** (190,434 kes kumulatif);
- Kes import : **2 kes** (1 warganegara, 1 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **3,583 kes** [3,053 warganegara (85.2%); 530 bukan warganegara (14.8%)];
- Kes aktif : **40,574 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **280 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **111 kes**; dan
- Kes kematian : **11 kes** (700 kes kumulatif , 0.37%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,295 kes (36.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **948**

**kes (73.2 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **610 kes (17.0 peratus)**, dan Johor sebanyak **516 kes (14.4 peratus)**.

Sebanyak **59 kes (1.6 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (24 kes), Kluster Tembok Renggam (12 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (7 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (6 kes), Kluster Tembok Kemus (4 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), Kluster Tembok Taiping (1 kes), Kluster Tembok Mempaga (1 kes), dan Kluster Telok Mas (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan empat (4) kes dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tiga (3) kes dari Sarawak, dan masing-masing satu (1) kes dari Perak, Johor, Selangor dan Pulau Pinang. Sebanyak 10 kes kematian pada hari ini melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

### **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 26 Januari 2021;

- Jumlah kluster : **753 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **7 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **397 kluster** (termasuk **dua (2)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Teguli dan Kluster Desa Pinang**);
- Jumlah kluster aktif : **356 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **95 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Pasai (111 kes)**, **Kluster Seri Bayu (61 kes)**, dan **Kluster Jalan Platinum (33 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tujuh (7) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan tiga (3) kluster berkaitan tempat kerja, dua (2) kluster komuniti, satu (1) kluster keagamaan, dan satu (1) kluster yang melibatkan pusat tahanan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Jalan Cochrane	WP Kuala Lumpur	Tempat kerja
2	Jalan Platinum	Johor	Tempat kerja
3	Intan Delima	Negeri Sembilan	Tempat kerja
4	Jalan Padi Mahsuri	Johor	Komuniti
5	Kampung Bukit Putera	Terengganu	Komuniti
6	Keladi Saga	Kedah	Keagamaan
7	Tembok Bukit Besi	Terengganu	Pusat tahanan

## **INTEGRASI PERKHIDMATAN HOSPITAL SEKTOR AWAM DAN SWASTA DALAM TEMPOH DARURAT**

Seperti yang diumumkan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memutuskan integrasi Perkhidmatan Hospital Sektor Awam dan Swasta dalam tempoh darurat bagi memastikan koordinasi yang sistematik dan jaminan akses kesihatan yang menyeluruh serta bersepadu dapat dilaksanakan untuk pesakit COVID-19 dan juga bukan COVID-19.

Pendekatan utama yang telah dikenal pasti adalah dengan meletakkan hospital awam (hospital-hospital di bawah KKM, hospital universiti awam, dan hospital angkatan tentera) dan hospital swasta di bawah pengoperasian secara hibrid, berdasarkan konsep Hospital Kluster di bawah Pusat Kawalan COVID-19 Bersepadu. Hospital Kluster ini akan beroperasi untuk merawat pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19 mengikut arahan yang akan dikeluarkan oleh KKM.

Sehingga 25 Januari 2021, terdapat 210 hospital swasta berlesen, di mana 129 hospital swasta menawarkan perkhidmatan pesakit dalam (*inpatient*) bagi bidang Perubatan Dalaman (*internal medicine*). Daripada jumlah tersebut, 96

hospital swasta telah bersetuju untuk menyediakan rawatan COVID-19 di mana jumlah katil setakat ini adalah 1,252 katil, 65 katil ICU, dan 54 mesin ventilator.

Kerajaan akan mengoptimalkan kapasiti makmal sedia ada terutamanya di Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Universiti Awam bagi tujuan pengujian dan pengesanan COVID-19 secara berskala besar. Di samping itu, bangunan Kerajaan yang sesuai akan dikenalpasti di negeri/ daerah sebagai pusat pengambilan ujian swab. Mobilisasi aset seperti kenderaan juga akan diselaraskan untuk perkhidmatan kesihatan umum agar lebih bersepadu dan teratur. Sumber perubatan seperti peralatan, peralatan perlindungan diri (PPE), ubat-ubatan pula akan dimobilisasikan mengikut keperluan hospital terutamanya bagi perkhidmatan kesihatan umum termasuklah memobilisasikan anggota perubatan seperti jururawat dari hospital swasta khususnya yang mempunyai kepakaran tertentu untuk bertugas sementara di hospital awam.

Bagi mekanisma pembiayaan pesakit COVID-19 oleh pihak insurans di hospital swasta, perkara ini sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan, KKM, Bank Negara Malaysia, dan industri insurans. Seperti yang disebut YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, buat masa ini peranan sektor swasta

diperkasakan bagi merawat pesakit COVID-19 yang mampu membayar.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 Januari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 26 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,295	56,664
<b>SABAH</b>	303	47,442
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	610 (2)	22,275
<b>JOHOR</b>	516	17,276
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	129	11,221
<b>PULAU PINANG</b>	104	7,379
<b>PERAK</b>	58	5,584
<b>KEDAH</b>	88	5,341
<b>SARAWAK</b>	205	3,704
<b>MELAKA</b>	92	3,170
<b>KELANTAN</b>	76	3,003
<b>PAHANG</b>	15	2,678
<b>WP LABUAN</b>	1	2,033
<b>TERENGGANU</b>	76	1,689
<b>WP PUTRAJAYA</b>	15	819
<b>PERLIS</b>	2	156
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,585 (2)</b>	<b>190,434</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



**Perincian 3,585 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 26 Januari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 1,295 kes**
  - 92 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 856 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 347 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 610 kes**
  - 94 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Cochrane**;
  - 262 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - 252 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor: 516 kes**
  - 231 kes daripada kluster-kluster, termasuk 57 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Platinum dan Kluster Jalan Padi Mahsuri**;

- 125 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 160 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 303 kes**
    - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 209 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 78 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: 205 kes**
    - 134 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 129 kes**
    - 35 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Intan Delima**;
    - 59 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 104 kes**
    - 26 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;

- 33 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 92 kes**
    - 29 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 88 kes**
    - 11 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Keladi Saga**;
    - 48 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 29 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 76 kes**
    - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 43 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 76 kes**

- 21 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tembok Bukit Besi dan Kluster Kampung Bukit Putera**;
- 32 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 58 kes**

- 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 15 kes**

- Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 15 kes**

- Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis : Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 11 kes kematian pada 26 Januari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
690	157946	Perak	Lelaki (WN)	84	Hospital Taiping	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
691	170457	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	77	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
692	182538	Johor	Lelaki (WN)	84	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
693	184812	Selangor	Perempuan (WN)	49	Hospital Tanjung Karang, Kuala Selangor	<i>Epilepsy</i>
694	185320	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	82	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
695	185334	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	55	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
696	186470	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, <i>hyperthyroidism</i> , dan jantung
697	186490	Sarawak	Lelaki (WN)	76	Hospital Sibul	-

698	189806	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	42	Jenazah dibawa ke Hospital Pulau Pinang	Penyakit obesiti, <i>Obstructive Sleep Apnoea</i> (OSA), dan jantung
699	190157	Sarawak	Lelaki (WN)	92	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan obstruktif paru-paru kronik (COAD)
700	185400	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	54	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian tujuh (7) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER JALAN COCHRANE**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 Januari 2021 hasil saringan bersasar terhadap pengawal-pengawal keselamatan sebuah pusat membeli-belah yang terletak di Jalan Cochrane, Titiwangsa. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 76 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER JALAN PLATINUM**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 Januari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Platinum, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor Bahru. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 66 individu telah disaring, di mana **33 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



### 3. KLUSTER JALAN PADI MAHSURI

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-178903) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 hasil saringan pra pekerjaan. Kes-kes dalam kluster ini tinggal bersama di Jalan Padi Mahsuri, Taman Senai Baru, Kulai. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER INTAN DELIMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-154243) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala yang mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Johor. Kluster ini melibatkan sebuah institusi pendidikan awam yang terletak di antara Taman Bukit Intan dan Taman Bahagia Delima. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 253 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **5. KLUSTER KELADI SAGA**

Kluster berkaitan keagamaan ini melibatkan daerah Kulim di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-171961) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Keladi dan Taman Saga, Kulim. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 49 individu telah disaring, di mana **34 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER TEMBOK BUKIT BESI**

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Dungun di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-120811) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Januari 2021 hasil saringan tahanan di Pusat Koreksional Dungun, Bukit Besi, Dungun. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 1,131 individu telah disaring, di mana **99 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER KAMPUNG BUKIT PUTERA**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Setiu di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-144506) merupakan kes

*Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) yang telah dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Januari 2021. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Kampung Bukit Putera, Bandar Permaisuri, Setiu. Sehingga 26 Januari 2021, sejumlah 293 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.